



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (27 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **kekal 1,062 kes.**

A. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan.** Terdapat enam (6) kluster yang masih aktif di Sarawak seperti berikut:

- i) Kluster Besi, Kuching :** kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.

- ii) Kluster Jalan Abell, Kuching :** kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.

- iii) Kluster Baki, Kuching :** kes positif kekal 33 orang termasuk kes indeks.

- iv) Kluster Seladah, Kuching :** kes positif kekal sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

v) **Kluster Greenhill di Daerah Kuching** : kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.

vi) **Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching** : kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

B. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Terdapat **tiga (3)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,018** orang atau **95.86%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **25** orang iaitu:

- 22 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Dua (2) kes di Hospital Sibui; dan
- Satu (1) kes di Hospital Miri.

Hari ini, **terdapat 17 PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

C. Keputusan Aktiviti Pengesanan Kes Secara Aktif (ACD) Di Kampung Banting, Lawas

Berikutan pengesanan satu (1) kes jangkitan tempatan yang telah dikesan di Daerah Lawas pada 13 November 2020, satu aktiviti pengesanan kes secara aktif (ACD) telah dijalankan di Kampung Banting, Lawas. Tujuan aktiviti ini adalah untuk mengesan dan membuat saringan ujian rT-PCR ke atas semua penduduk di Kampung Banting yang berkemungkinan telah mempunyai kontak kepada kes positif. Aktiviti ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kemungkinan telah berlaku jangkitan dalam kalangan komuniti di kawasan setempat.

Pada 18 dan 19 November 2020, seramai 959 orang penduduk di Kampung Banting, Lawas telah menjalani saringan COVID-19 yang telah dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Lawas dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Lawas bersama Pejabat Daerah Lawas, PDRM, APM, RELA dan lain-lain agensi.

Kesemua sampel yang telah diambil telah dihantar ke Hospital Miri dari Hospital Lawas menggunakan helikopter perkhidmatan Medivac sebelum diagihkan ke makmal di Hospital Miri, Hospital Umum Sarawak dan Pusat Jantung Sarawak bagi mempercepatkan keputusan ujian rT-PCR.

Kesemua keputusan ujian rT-PCR yang diambil dari 959 orang individu di Kampung Banting yang telah diperolehi seawal pada 21 November 2020 adalah negatif untuk COVID-19.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penduduk di Kampung Banting, Lawas yang telah memberi kerjasama dan komitmen yang sangat tinggi. Ribuan terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Lawas yang disertai Pejabat Daerah Lawas, PDRM, JPAM, RELA dan lain-lain agensi yang telah membantu dalam aktiviti pengesanan kes secara aktif (ACD) di Kampung Banting, Lawas.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Kuching telah bertukar status daripada Jingga kepada Kuning** dengan jumlah keseluruhan **18** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. **Daerah Lawas pula telah bertukar status dari Kuning kepada status Hijau** setelah tiada kes baharu jangkitan tempatan COVID-19 dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri kekal berstatus Kuning dengan tiga (3) kes jangkitan tempatan COVID-19 yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah memutuskan bahawa mulai 28 November 2020, SOP Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akan dikuatkuasakan di seluruh Sarawak.

A. Sektor Yang Masih Tidak Dibenarkan Beroperasi

Pengoperasian bagi pusat hiburan seperti Kelab Malam, Pub, Karaoke dan Refleksologi masih **TIDAK DIBENARKAN** sehingga diberitahu kemudian.

B. Sektor Yang Dibenarkan Beroperasi

Lain-lain sektor **DIBENARKAN** untuk beroperasi, tetapi mestilah mematuhi SOP yang telah dikeluarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). **Masa operasi bagi semua aktiviti adalah dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.**

JPBN ingin mengingatkan kepada semua pemilik premis yang dibenarkan untuk beroperasi bahawa adalah tanggungjawab mereka untuk memastikan segala SOP yang dikeluarkan oleh KKM, MKN dan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak (MLGH) semasa tempoh PKPP dipatuhi sepenuhnya.

C. Tatacara Kemasukan Ke Sarawak

Bagi kemasukan ke Sarawak, tatacara yang telah dikeluarkan sebelum ini **MASIH DIKEKALKAN.**

3. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (9-27 NOVEMBER 2020)

Hari ini **sebanyak 8,698 jumlah kenderaan** diperiksa semasa PKPB di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah kumulatif kenderaan diperiksa sebanyak **131,959**. Manakala **tiada kenderaan** di arah berpatah balik. Jumlah keseluruhan kenderaan yang di arah berpatah balik mulai 9 November 2020 kekal sebanyak **613 buah** kenderaan.

4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **sembilan (9) notis kompaun** di Sarikei (6) dan Miri (3).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan notis amaran lisan dan bertulis sebanyak **118 notis** di bawah seliaan MPP (32), SMC (27), DBKU (25), MD Marudi (17), BDA (6), MD Sarikei (6), MBKS (2), MD Serian (2) dan MB Miri (1).

5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini, sebanyak **1,468 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (184), Restoran (279), Kilang (11), Bank (109), Pejabat Kerajaan (59), Penjaja (27), Pasar Tani/Awam (56), Tempat Ibadah (53), Tempat Riadah (39), Tapak Pembinaan (16) dan lain-lain (635).

Seramai **589 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (290), ATM (36), RELA (123), APM (85), PBT (45), KKM (5) dan lain-lain agensi (5).

6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,670** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

27 NOVEMBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Previous Cases	1062		Total Cases still in ward	25	2.35%
New Cases	0		Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	179,708		Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1062		Total Death Cases	19	1.79%
IR per 100,000 population	34.43		Recovered and discharged cases	1,018	95.86%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	New	Cummulative
Negative	16	9,621		17	10,684
Pending Result	1	1			

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	22	2	0	1	0	25
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	3	0	0	0	3
	Cummulative	851	41	49	75	1018
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	7,166	0	711	3	678	0	12	21	24	18
2	Miri	0	911	0	58	0	56	0	1	1	4	3
Jumlah		15	8077	0	769	3	734	0	13	22	28	21

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	28	0	10	0	9	0	0	1	0	0
2	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
3	Limbang	0	33	0	11	0	10	0	1	0	0	0
4	Samarahan	1	597	0	116	0	112	0	4	0	0	0
5	Bintulu	0	324	0	49	0	49	0	0	0	0	0
6	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
7	Sibu	0	124	0	19	0	17	0	0	2	2	0
8	Serian	1	327	0	25	0	25	0	0	0	0	0
9	Bau	0	183	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	65	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	56	0	4	0	3	0	1	0	0	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	2,607	0	293	0	284	0	6	3	2	0

Jumlah Besar	17	10,684	0	1,062	3	1,018	0	19	25	30	21
---------------------	-----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **306 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **34 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,680 orang**. Manakala seramai **33,965 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,162)	Hock Lee	104
2		Grand Dormani	64
3		Kuching Park	83
4		Pullman	188
5		Hilton	280
6		Harbour View	239
7		Riverside (Astana Wing)	200
8		Grand Margherita	251
9		Imperial Boulevard	327
10		Tune Hotel	76
11		Dormani Hotel	44
12		Grand Continental	110
13		Meritin	51
14		Longhouse	86
15		Abell	59
16	Miri (749)	Mega Hotel	104
17		Imperial Palace	171
18		Eastwood Valley	85
19		Meritz	218
20		Miri	14
21		Dynasty	130
22		Citi Hotel	27
23	Bintulu (282)	Wasan Inn	21
24		Fairfield by Marriot	163
25		Kidurong Inn	27
26		Motel Kapok	47
27		Faber Inn	0
28		AA Inn	24
29	Limbang (306)	Purnama	179
30		Seri Malaysia (Lawas)	105
31		Mandarin (Lawas)	22
32	Sibu (104)	Premier	104
33	Samarahan (77)	INFRA	60
34		Kolej Rafflesia, UNIMAS	17
Jumlah PUS			3,680

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **3 lokasi di Miri (2) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,012 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	675
2	Miri	1	395
3	Sibu	TIADA	190
4	Samarahan	TIADA	132
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	94
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			2,012

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **37 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 27.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibu	9
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
Jumlah		37